Kuala Nerus menapak kukuh

Oleh WAN ZULKIFLI WAN YAACOB
pengarang@utusan.com.my

KUALA NERUS - Penubuhan Kuala Nerus, daerah baharu yang kelapan di negeri ini bakal menjadi pemangkin kepada pembangunan yang lebih pesat pada masa depan di kawasan yang selama ini dikenali sebagai Kuala Terengganu Utara.

Bersempadan dengan daerah Kuala Terengganu dan dipisahkan oleh Sungai Nerus, mukim ini dinaik taraf dengan persetujuan kerajaan persekutuan seperti mana yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 18 September lalu - melakar satu lagi rentetan sejarah bagi negeri.

Pengumuman itu dibuat semasa upacara pecah tanah Hospital Pengajar Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), sebuah projek bernilai RM600 juta yang akan turut memberi kesan ketara terhadap masa depan penduduk di daerah baharu itu.

"Itu (pengumuman) sememangnya dinanti-nanti untuk membawa perubahan lebih besar," ujar Menteri Besar, **Datuk Seri Ahmad Razif Abdul Rahman** (gambar).

Ia hasil respons kerajaan negeri terhadap permintaan dan desakan kalangan pemimpin dan masyarakat setempat agar satu daerah pentadbiran baharu diwujudkan sejak tahun 1980-an lagi kerana pembangunan di dua buah kawasan kelihatan sangat tidak seimbang.

Kenapa tidaknya, Kuala Nerus telah beransur-ansur menyaingi Kuala Terengganu Selatan dengan perkembangan industri, pertumbuhan pusat pengajian tinggi, institusi kemahiran, pusat perniagaan dan sukan di samping kepadatan penduduknya.

Daerah yang dianggap seumpama mutiara yang baharu digilap, merupakan pintu masuk ke ibu negeri ini melalui udara dan juga melalui lebuh raya yang mencerminkan imej awalnya kepada para pengunjung.

Justeru itu, keadaan ini lebih menyakinkan bagi kewujudannya sebagai sebuah daerah agar tumpuan lebih menyeluruh dapat digerakkan dengan tersusun dengan jentera perkhidmatan yang mencukupi di samping peruntukan setimpal.

Menyingkap rentetan proses ke arah itu, pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) pada 7 April 2007, kebanyakan Ahli Dewan yang mewakili kawasan berkenaan membangkitkan persoalan tersebut dan menggesa proses itu dipercepatkan.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 3 Ogos 2011 akhirnya bersetuju dengan cadangan persempadanan semula daerah Kuala Terengganu ke arah penubuhan sebuah lagi daerah dan kemudiannya pada 20 Mac 2013 meluluskan cadangan persempadanan semula daerah Kuala Nerus.

Melalui perkembangan itu, kawasan asal daerah Kuala Terengganu mengecil kepada 21,021.47 manakala daerah Kuala Nerus berkeluasan 39,752 hektar dengan Sungai Nerus merupakan sempadan utama, manakala di bahagian utara bersempadan dengan daerah Setiu.

Dianggarkan daerah itu kini menampung 233,000 penduduk meliputi penempatan di empat buah mukim iaitu Pulau Redang, Batu Rakit, Kuala Nerus dan Pakoh di samping empat kawasan DUN iaitu Seberang Takir, Bukit Tunggal, Tepoh (Parlimen Kuala Nerus) dan Batu Rakit (Setiu).

Sembilan buah gugusan pulau berada dalam lingkaran sempadannya iaitu Pulau Redang, Bidong, Lang Tengah, Yu, Ekor Tebu, Pulau Geluk, Karah, Tengkorak dan Cepu di samping enam pesisir pantai yang menarik iaitu Teluk Ketapang, Tok Jembal, Batu Rakit, Tanjung Gelam Mengabang Telipot, Mengabang Lekor dan Mengabang Panjang.

Dengan pentabiran tersendiri, ia boleh menjadi jentera berkesan untuk merencanakan pelbagai program dan projek prasarana, sosial dan ekonomi kerajaan agar suasana kehidupan dan urusan kegiatan harian lebih sempurna di samping mengeratkan hubungan dengan masyarakat.

Kesan awal terdapat perkembangan pesat daerah ini mulai dirasai dengan berlakunya banjir kilat setiap kali ketibaan musim tengkujuh, dan sebagai prasyarat kepada pembangunan pusat pentadbiran daerah, satu projek tebatan banjir mulai dilaksanakan kini.

Projek itu termasuklah pembinaan terusan dengan selebar 25 meter dan kedalaman dua atau tiga meter, sepanjang lima kilometer yang akan turut mencorak suasana landskap dan kegiatan rekreasi.

> **Daerah yang dianggap seumpama mutiara yang baharu digilap, merupakan pintu masuk ke ibu negeri ini melalui udara dan juga melalui lebuh raya yang mencerminkan imej awalnya kepada para pengunjung.**

Ketika membentangkan Bajet 2015, Ahmad Razif memberitahu, projek saliran dan tebatan banjir Baroh Tok Jiring ini melibatkan kos keseluruhan kira-kira RM90 juta sebagai penyelesaian jangka panjang permasalahan.

Di samping itu, difahamkan projek saliran Gong Pok Jin (UniSZA -UMT) yang dianggarkan kos RM13 juta kini dalam proses tender manakala ancaman hakisan pantai pula cuba ditangani dengan kos RM70 juta.

Selain itu katanya, bagi menampung jumlah pengangkutan yang akan terus meningkat, satu jalan masuk ke pusat pentadbiran daerah dibina dengan kos keseluruhan sebanyak RM14 juta.

"Pada masa kini, keadaan lalu lintas agak merungsingkan terutama pada waktu puncak pagi dan petang di samping pada musim perayaan dan cuti persekolahan," ujarnya.

Di samping katanya, menyedari kesesakan yang sentiasa berlaku di atas jambatan Sultan Mahmud yang menghubungkan daerah Kuala Nerus dan Kuala Terengganu, kerajaan negeri bercadang membina jalan bertingkat di persimpangan ke jalan Bukit Tumbuh bagi melancarkan aliran trafik dari bulatan Batu Enam.

Pembinaan jambatan merentasi muara Sungai Terengganu dengan reka bentuk ikonik yang menghubungkan dua buah daerah kini digerakkan di samping jambatan Pulau Sekati.

PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak merasmikan upacara pecah tanah Hospital Pengajar Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) pada bulan September lalu yang bakal melonjakkan tahap perkhidmatan kesihatan kepada rakyat khususnya masyarakat Kuala Nerus. - GAMBAR SHAIFUDIN MOHD. NOR/AZLAN BAHARUM.



Nama Daerah :
Kuala Nerus

Keluasan Daerah :
39,890 HA
(Kuala Terengganu : 21,021.47 HA)

Mukim yang terlibat :

- Pulau Redang
- Batu Rakit
- Kuala Nerus
- Pakoh

Dun yang terlibat :

- Seberang Takir
- Bukit Tunggal
- Tepoh
- Batu Rakit